

Memperingati Hari Keputeraan:

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Junjungan kita Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam*

mengibaratkan hidup kita ini sebagai sebuah taman

yang indah, penuh dengan bunga-bunga yang beraneka warna.



Yang berhormat Tuan Haji Muhammad Nasir, Timbalan

Menteri Besar Kelantan, sedang memberi syarahan ketika menyambut hari keputeraan Junjungan kita Nabī Muhammad (SAW), di padang Sekolah Kebangsaan Temangan, baharu-baharu ini.

Bunga-bunga yang semerbak harum itu ada empat jenis, iaitu:

1. Keadilan pihak yang berkuasa.
2. Ikhlasnya orang-orang alim ulama.
3. Amanahnya ahli-ahli perniagaan.
4. Patuhnya golongan pekerja.

Contoh sebuah Negara Islam

Keempat-empat jenis ini adalah menjadi perhiasan bagi taman yang indah itu sebagai mencontohkan sebuah negara Islam, ada Amirnya yang menjalankan kekuasaan dengan adil, tidak terpengaruh oleh segala macam desas desus. Keadilan orang-orang yang berkuasa itu adalah menjadi tiang bagi taman itu. Kalau pula dalam taman itu berkuasa ikhlas alim ulamanya yang memberikan pokok-pokok hukum dengan nyata, yang betul-betul berdasarkan hukum-hukum Allah, menyampaikan kata yang benar walaupun pahit, maka selamatlah taman itu, lebih-lebih lagi kalau ada pula dalam taman itu saudagar-saudagar yang amanah dan pekerja-pekerja yang berdisiplin.

Apabila taman itu tidak dihiasi dengan empat jenis bunga yang harum itu maka taman itu tidak akan berseri bahkan tidak akan sempurna.